

## PBS ingin penjelasan Persisi

28 APR 1990

411

**K**AMI merujuk kenyataan Encik Mohamad Kaspari, Setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi) (BH: 21.4.90) bertajuk *Digugurkan sebab gagal bayaran yuran*.

Persatuan Bawean Singapura (PBS) ingin penjelasan Encik Mohamad Kaspari sebagai Setiausaha Persisi berhubung dengan perlembagaan Persisi Fasal 7.1 mengenai perkataan "setelah diterima" menjadi kerabat Persisi, yuran bersekutu sebanyak \$30 hendaklah dibayar dalam tempoh tiga bulan. Kerabat/anggota bersekutu yang tidak menjelaskan yuran dengan sendirinya gugur keanggotaannya.

PBS telah diterima menja-

di kerabat Persisi dari mula ditubuhkan pada 16.6.1976.

Beliau menyatakan bahawa hal itu telah berkali-kali ditingkatkan baik melalui surat mahupun dalam mesyuarat. Kenyataan itu tidak benar, sebab tidak ada dicatatkan dalam minit-minit mesyuarat, juga dalam surat rasmi kepada PBS tidak menyatakannya.

Kalau benar Encik Mohamad Kaspari mahu berpandukan perlembagaan Persisi Fasal 7.1, beliau seharusnya tidak menghantar empat naskah laporan mesyuarat agung Persisi menjemput wakil-wakil PBS pada 8.4.90 untuk hadir dalam mesyuarat agung tersebut dengan melambatkan surat rasmi pembayaran yuran tersebut.

Sekiranya Persisi telah mengambil keputusan, Persisi hendaklah meletakkan satu agenda dan amaran kepada kerabat-kerabat yang belum menjelaskan yuran tahunannya dalam laporan tahunan mesyuarat agung pada 8.4.90. **KHAW ALI**

PBS ingin penjelasan berhubung dengan perlembagaan Persisi Fasal 7.1 mengenai perkataan "setelah diterima" yuran tahunan bersekutu sebanyak \$30 — hendaklah dibayar. Kerabat yang tidak menjelaskan yuran itu dalam tempoh tiga bulan dengan sendirinya gugur akan keanggotaannya.

Sayugia diingatkan bahawa PBS telah diterima sebagai anggota kerabat Persisi dari mula ditubuhkan. Harap

beri penjelasan perkataan 'setelah diterima.'

Mengikut tafsiran, perkataan tersebut adalah kepada permohonan baru untuk menjadi kerabat Persisi.

Sungguhpun kedua-dua badan PBS dan Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis) tidak menghalang menghadiri mesyuarat agung, pengerusi tidak memberi peluang yang cukup untuk wakil-wakil PBS dan Pertapis memberikan hujahnya, juga wakil-wakil yang lain. Pengerusi menutup perbincangan tersebut.

**Haji, Mohd Sadli  
Mohamed,  
Setiausaha Agung  
Kehormat,  
Persatuan Bawean  
Singapura.**